

Ratifikasi CPTPP luaskan akses pasaran minyak sawit

PETALING JAYA: Ratifikasi Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) pada 30 September 2022 akan menggalakkan permintaan untuk produk minyak sawit, kata Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir.

Beliau berkata, ia meluaskan aksesnya kepada pasaran baharu seperti Kanada, Mexico dan Peru, yang tidak dilindungi oleh mana-mana Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) sedia ada.

Katanya, berdasarkan Analisis Kos Faedah mengenai potensi kesan CPTPP, selepas ratifikasi dan pelaksanaan CPTPP,

tarif untuk produk minyak sawit kini dikurangkan daripada maksimum enam peratus untuk Kanada, Mexico (lima peratus) dan Peru (sembilan peratus) kepada tarif yang lebih rendah berdasarkan jadual penghapusan tarif.

“Selain daripada eksport minyak sawit yang lebih tinggi

ke pasaran, penghapusan tarif meningkatkan daya saing minyak sawit Malaysia di negara anggota CPTPP,” katanya dalam kenyataan.

Ahmad Parveez berkata, eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit lain bagi Januari hingga November 2022 meningkat 1.3 peratus kepada 22.43

juta tan berbanding 22.14 juta tan dalam tempoh yang sama 2021.

Kata beliau, harga minyak sawit yang lebih tinggi dalam tempoh itu telah meningkatkan jumlah hasil eksport sebanyak 31.8 peratus kepada RM120.43 bilion berbanding RM91.38 bilion yang direkodkan pada Januari hingga November 2021.